

RM15j bangun Sungai Klang

Sebanyak RM15 juta diperuntukkan bagi kerja pemuliharaan dan pembangunan Sungai Klang yang mampu menjana pendapatan kepada kerajaan negeri.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Sungai Klang bakal dipromosikan ke seluruh dunia menerusi pelbagai program dirancang termasuk Klang River Marathon 2017.

“Sungai yang sekian lama tercemar dengan sampah sarap ini sudah semakin bersih. Sebanyak RM5 juta sudah dibelanjakan kerajaan negeri pada tahun ini untuk membersihkan Sungai Klang.

“Syarikat yang dilantik iaitu Hebat Abadi Sdn Bhd mengeluarkan 4,869 tan metrik sampah terapung sehingga akhir September lalu menerusi 48 perangkap sampah dibina di kunci air utama,” katanya.